TRADISI setiap kali Ramadan menjelma apabila petugas giat mengacau, membungkus dan mengagihkan bubur lambuk kepada orang ramai di Masjid Jamek Kampung Baru, Kuala Lumpur semalam. — FARIZ RUSADIO

KOSMO

Tarikh: 13 MAR 2024



MOHD. HAFIZUL (kiri) memotong ayam yang dijual kepada pelanggannya di Kampung Duyong, Seberang Takir, Kuala Nerus semalam.

Pengguna dakwa ada pihak ambil kesempatan

Harga ayam naik menjelang Ramadan

Oleh **TENKU DANISH BAHRI**
TENKU YUSOFF

KUALA NERUS – Pengguna di daerah ini dan Kuala Terengganu merungut apabila harga ayam segar melambung pada hari pertama Ramadan semalam.

Seorang pengguna, Nur Hazwani Ilyas, 43, mendakwa, harga ayam segar kini RM10.80 sekilogram iaitu kenaikan 90 sen berbanding minggu lalu.

"Saya yang kerap ke pasar untuk membeli barangan basah mendapati harga ayam ini naik buat kali ketiga dalam tempoh seminggu sejak minggu lalu.

"Walaupun setiap kenaikan cuma 30 sen, ia amat kerap dalam tempoh singkat mem-

buatkan kami sebagai pengguna terkesan," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi pengguna, Abdul Rashid Mokhtar, 42, mendakwa, kenaikan tersebut seakan-akan mengambil kesempatan ketibaan Ramadan.

"Setiap kali Ramadan dan Syawal mesti harga ayam melambung dengan alasan kononnya permintaan tinggi.

"Saya tidak nampak pun berlaku kekurangan bekalan ayam. Elok juga cadangan kerajaan mengimport ayam bagi memberi tekanan kepada pengeluar agar harganya kekal stabil," katanya.

Sementara itu, seorang peniaga, Mohd. Hafizul Hamdan, 40, mengakui berlaku kenaikan har-

ga ayam sebanyak tiga kali sejak seminggu lalu.

"Perubahan ini mengikut harga ayam yang diterima di peringkat pembekal dan pemborong.

"Berdasarkan pengalaman, saya tidak tolak kemungkinan harga ayam segar akan naik lagi menjelang Aidilfitri nanti," katanya.

Seorang lagi peniaga, Mohamad Razali Tahar, 42, mengakui bekalan ayam adalah stabil dengan 250 ekor dibekal setiap hari.

"Walaupun bekalan ayam stabil, perubahan harga sukar untuk ditentukan. Contohnya tahun lalu, bekalan ayam pada bulan puasa dan raya juga stabil tetapi harganya mencecah RM12 sekilogram," katanya.

KOSMO

Tarikh: **13 MAR 2024**

Oleh Zuhainy Zulkiffli
am@hmetro.com.my

Georgetown

Dianggarkan sebanyak 90,000 tan makanan dibuang ke dalam tong sampah di seluruh negara sepanjang Ramadan tahun lalu, menurut Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP).

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, ia menunjukkan pembaziran makanan meningkat antara 15 hingga 20 peratus ketika Ramadan berbanding purata pada bulan lain.

Sehubungan itu CAP menggesa orang ramai supaya tidak membazir makanan sepanjang kehadiran Ramadan yang kebanyakannya berakhir di tapak pelupusan sampah.

"Ramadan sepatutnya menjadi bulan beribadat umat Islam tetapi bagi setengah orang ia menjadi bulan untuk menjamu selera dan membazir dalam perbelanjaan.

"Islam menyuruh umat-

90,000 tan makanan dibuang tahun lalu

Pembaziran makanan meningkat sehingga 20% ketika Ramadan

nya supaya mengelakkan bersikap rakus, membazir dan boros," katanya dalam kenyataan media di sini, semalam.

Mengulas lanjut Mohideen berkata, berlawanan dengan ajaran itu, sesetengah orang makan dan minum begitu banyak sehingga menjadi malas dan mengabaikan kewajipan solat.

Katanya, kerakusan atau bersikap lahap juga boleh memberi kesan sampingan kesihatan yang serius seperti diabetes, penyakit koronari dan tekanan darah tinggi bagi mereka yang memuaskannya dengan menurut hawa nafsu.

"Iftar, berbuka puasa, se-

cara tradisinya dilakukan di rumah bersama ahli keluarga atau di masjid dalam suasana kerohanian bertukar kepada 'pesta makan dengan 100 jenis hidangan' di hotel dan restoran yang menjadi sumber keuntungan bagi perniagaan.

"Buang makanan merupakan satu dosa memandangkan ia menafikan makanan bagi mereka yang memerlukan dan generasi masa depan.

"Ia juga melenyapkan sumber dan menyumbangkan kepada kemerosotan alam sekitar melalui pencemaran laut atau sungai dan melepaskan karbon dioksida yang bertanggungjawab terhadap pemanasan

global," katanya.

Mohideen berkata, tujuan berpuasa ialah bagi merasakan kelaparan yang dialami golongan miskin dan terpinggir supaya kita mempunyai sikap empati kepada mereka.

Katanya, kini lebih dua juta rakyat Palestin menghadapi kebuluran jadi kita tidak sepatutnya buang begitu banyak makanan pada bulan yang suci ini.

"Golongan kaya seharusnya berkongsi kekayaan mereka dengan mereka yang miskin dan memerlukan, bukannya bersikap rakus dan bermegah-megah dalam cara hidup.

"Gunakan kekayaan anda bagi membantu golongan miskin dan terping-

gir keluar daripada kemiskinan dan penindasan dan menyokong program amal jariah.

"Marilah kita berazam bagi menjadikan Ramadan ini lebih bermakna.

"Elakkan daripada berbuka puasa di hotel dan sebagai ganti berbuka puasa di rumah dan masjid dengan ahli keluarga dan rakan-rakan dengan jempuit jiran bukan Islam berbuka puasa bersama, dengan cara ini kita dapat membina hubungan baik dan persefahaman dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya.

Tahun lalu, media melaporkan sisa pepejal khususnya sisa makanan yang dikutip Perbadanan Pe-

litar, berbuka puasa, secara tradisinya dilakukan di rumah bersama ahli keluarga atau di masjid dalam suasana kerohanian bertukar kepada 'pesta makan dengan 100 jenis hidangan' di hotel dan restoran"

Mohideen

ngurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) ketika Ramadan meningkat setiap tahun.

Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan ketika itu, Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata, jumlah kutipan sisa pepejal ketika Ramadan pada 2022 mencatatkan sebanyak 252,521 tan berbanding 208,143 tan pada 2019.

HARIAN METRO
Tarikh:1.3.MAR.2024

Empat penjawat awam ditahan berkaitan dadah

HM 18/3
Kota Bharu: Empat penjawat awam antara 978 individu yang ditahan berkaitan dadah menerusi Operasi Tapis Bersepadu dan Operasi Tapis Khas di Kelantan sejak 1 Mac sehingga kelmarin.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Muhammad Zaki Harun, berkata menerusi tangkapan berkenaan pihaknya merampas pelbagai jenis dadah termasuk pil yaba membabitkan nilai keseluruhan lebih RM378,000.

Katanya, kesemua suspek yang ditangkap berusia 15 hingga 91 tahun membabitkan empat penjawat awam, 884 warga tempatan, 94 warga asing dan seorang pelajar sekolah iaitu pelajar Tingkatan Empat.

"Empat penjawat awam terdiri daripada dua anggota JPJ, seorang pegawai penjara dan seorang kakitangan jabatan kesihatan daerah.

"Tangkapan membabitkan penjawat awam dila-

kukan di Machang, Pasir Mas dan Gua Musang. Semua suspek ditahan atas pelbagai kesalahan di bawah Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan Akta Racun 1952," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Muhamad Zaki berkata, pihaknya turut menyita kenderaan, barang kemas dan wang membabitkan nilai keseluruhan lebih RM72,000.

"Jumlah dadah yang dirampas itu sekiranya berjaya diedarkan, boleh digunakan seramai 34,290 orang penagih," katanya.

Muhamad Zaki menyifatkan mana-mana penjawat awam yang terbabit dadah dianggap serius.

"Setiap kali Ops Tapis dilakukan, sentiasa ada tangkapan membabitkan penjawat awam. Namun ini tangkapan pertama membabitkan pelajar sekolah dan pelajar berkenaan juga positif dadah jenis amphetamine," katanya.

HARIAN METRO

Tarikh: ...1.3.MAR..2024.

4.32 juta individu sudah kemas kini data sistem Padu

AM
13/3

Kuala Lumpur: Seramai 4.32 juta daripada 30.08 juta rakyat Malaysia sudah mengemas kini data di sistem Pangkalan Data Utama (Padu), setakat kelmarin.

Berdasarkan status dimuat naik di laman Facebook Padu Official, Selangor merekodkan 0.65 juta individu mengemas kini data manakala Sarawak (0.57 juta), Johor (0.41 juta), Perak (0.39 juta), Sabah (0.36 juta) dan Kedah (0.29 juta).

Kelantan dan Kuala Lumpur masing-masing

mencatatkan 0.28 juta orang, Pahang (0.24 juta), Pulau Pinang (0.23 juta), Terengganu (0.23 juta), Negeri Sembilan (0.18 juta), Melaka (0.12 juta), Perlis (0.06 juta), Wilayah Persekutuan Putrajaya (0.02 juta) dan Labuan (0.01 juta).

Mereka yang belum mendaftar dan mengemas kini data diminta berbuat demikian sebelum sistem Padu ditutup 31 Mac ini, sama ada di <https://www.padu.gov.my> atau di kaunter Padu berdekatan.

HARIAN METRO

Tarikh:13 MAR. 2024

PBT disaran lantik jurutera jadi ahli majlis

Pihak berkuasa tempatan (PBT) disaran melantik jurutera daerah sebagai ahli majlis, ke arah memperkasa peranan golongan itu dalam pembangunan setempat.

Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, berkata sudah tiba masanya kemampuan jurutera daerah dalam menyumbang kepakaran teknikal terhadap pembangunan pesat di kawasan sendiri, diberi perhatian selain menjalankan tugas hakiki.

"Tugas jurutera daerah sangat mencabar. Mereka perlu bersiap sedia sepanjang masa, 24 jam se-

hari termasuk pada hujung minggu juga.

"Ada ketikanya mereka perlu turun ke tapak untuk membuat rondaan dan menyelesaikan isu-isu berkaitan infrastruktur jalan.

"Sebagai contoh, saya dimaklumkan ada jurutera daerah membuat rondaan seawal jam 3 hingga 4 pagi dan telah 'menangkap' kontraktor utiliti yang mengorek tanah di atas jalan Persekutuan tanpa permit izin lalu daripada JKR Daerah.

"Perbuatan mengorek jalan untuk pemasangan utiliti tanpa izin oleh kontraktor utiliti ada-

lah tidak bertanggungjawab dan khianat kerana boleh merosakkan Jalan Persekutuan itu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika penggulungan perbahasan Titah Diraja bagi kementeriaannya di Dewan Rakyat, semalam.

Sementara itu, Alexander berkata, hanya 21 daripada 730 projek di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam pembinaan di seluruh negara, diklasifikasi sebagai projek sakit.

Beliau berkata, statistik itu berdasarkan data yang direkodkan sepanjang tahun lalu.

Katanya, sebanyak 182 projek

bernilai RM4.63 bilion berjaya disiapkan sepanjang 2023.

"Dalam masa sama, ada beberapa projek diberi perhatian rapi dalam menangani isu lewat atau sakit, iaitu 21 projek berbanding 730 projek dalam peringkat pembinaan pada 2023, atau 2.8 peratus yang diklasifikasikan sebagai projek sakit.

"Jumlah projek sakit hanya sebilangan kecil berbanding projek aktif dan telah disiapkan.

"JKR sentiasa memantau projek sakit ini dan mengambil langkah-langkah intervensi untuk menyelamatkan projek-projek ini," katanya.

BERITA HARIAN

Tarikh..... 13 MAR 2024

Insentif penjawat awam beri impak positif



Perunding Latihan Kanan, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Oleh Dr N Farahin Ali
bhrencana@bh.com.my

BH 17/3

Penjawat awam gred 56 dan ke bawah termasuk lantikan kontrak menerima Bayaran Insentif Awal sebanyak RM2,000 pada bulan lalu. Semua jawatan utama sektor awam dan anggota beruniform termasuk polis serta bomba juga menerima insentif awal sebanyak RM1,000.

Insentif RM1,000 turut disalurkan kepada semua pesara kerajaan termasuk veteran berpencen serta tidak berpencen. Dalam hal ini, CUEPACS memaklumkan nilai insentif ini antara tertinggi pernah diberikan kepada penjawat awam dalam tempoh lima tahun lalu.

Ia disalurkan sementara menunggu Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA) dimuktamadkan dan dibayar sekali gus bagi meringankan beban persediaan persekolahan anak serta persiapan menjelang Ramadan dan Syawal selaras dengan kandungan pembentangan Belanjawan 2024 di Parlimen pada 13 Oktober tahun lalu.

Pemberian ini bukanlah tindakan kewangan se-

mata-mata, sebaliknya langkah strategik memberikan impak positif melalui pelbagai dimensi dengan mengambil kira aspek motivasi dan kepuasan kerja, pertumbuhan ekonomi tempatan dan kesejahteraan masyarakat.

Begitu juga ia bukan hanya penghargaan material tetapi isyarat positif kerajaan terhadap penghargaan dan pengiktirafan kepada usaha keras penjawat awam menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat.

Inisiatif ini dipercayai dapat membawa peningkatan motivasi berpanjangan dan kepuasan kerja yang dapat mengubah landskap budaya organisasi terutama dalam perkhidmatan awam semakin mencabar.

Keperluan semakin tidak terhad dan pelbagai sedangkan rata-rata rakyat menghendaki perkhidmatan awam lebih cepat dan cekap. Jangkaan dan beban tugas semakin meningkat berbanding purata gaji diterima lebih rendah berbanding sektor swasta memberikan tekanan tinggi kepada penjawat awam.

Justeru, insentif ini dapat merangsang komitmen, meningkatkan produktiviti dan menyumbang kepada keharmonian di tempat kerja.

Malah, insentif juga memberikan kesan limpahan kepada ekonomi tempatan kerana jumlah penerimaannya sekurang-kurangnya 2.3 juta orang dan strategi

pemberian secara sekali beri ini memudahkan perancangan kewangan dan meningkatkan kuasa beli.

Ini akan meningkatkan kadar pembelian barang terutama persediaan persekolahan, keperluan pakaian dan makanan sempena Ramadan serta Syawal, sekali gus memacu kesan domino positif dengan faktor pengganda besar terhadap sektor perniagaan tempatan.

Oleh itu, ramai penjawat awam lega kerana mempunyai dana tambahan bukan sahaja untuk persediaan persekolahan anak, bahkan sambutan perayaan. Walaupun nilai diterima mungkin tidak cukup menampung keseluruhan perbelanjaan, sekurang-kurangnya ia dapat membantu mengurangkan beban kewangan dan tekanan.

Hakikatnya, pemberian bayaran insentif kepada penjawat awam serta pesara kerajaan tidak hanya memberikan impak kewangan positif semata-mata, bahkan membawa impak positif pada aspek motivasi, pertumbuhan ekonomi tempatan dan kesejahteraan masyarakat secara menyeluruh.

Ia memberi petanda awal dan menyuburkan harapan penjawat awam kepada komitmen kerajaan dalam merealisasikan pembangunan SSPA lebih mantap untuk peningkatan kebajikan mereka.

BERITA HARIAN
Tarikh.....1..3..MAR..2024.....

RM35.3b hasil pelaburan KWSP boleh ditukar kepada ringgit

Pendapatan pelaburan luar negara sasaran potensi aliran masuk kembali ke Malaysia

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mempunyai pendapatan pelaburan luar negara kira-kira RM35.3 bilion pada 2023 yang berpotensi ditukar kepada ringgit, demikian menurut penganalisis.

AmBank Economic Research berkata, KWSP mungkin adalah pelabur terbesar Malaysia yang melabur di luar negara dalam kalangan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dengan anggaran RM431 bilion dilabur di luar Malaysia pada ak-

hir 2023.

Ia berkata, jumlah pelaburan luar negara yang dicatatkan itu meningkat RM74 bilion berbanding RM359 bilion pada 2022.

Katanya, pendapatan pelaburan luar negara pengurus dana persaraan itu pula adalah kira-kira RM35.3 bilion pada 2023 atau 53 peratus daripada pendapatan pelaburan dijana pada tahun itu.

Justeru, jelasnya, dengan mengambil kira kenyataan Bank Negara Malaysia (BNM) supaya usaha secara bersama menggalakkan GLC dan GLIC membawa pulang pendapatan luar negara dan menukar kepada ringgit, pendapatan pelaburan luar negara KWSP itu adalah antara sasaran potensi aliran masuk kembali ke Malaysia.

"Walau bagaimanapun, kemungkinan penukaran sekurang-kurangnya RM35 bilion kepada ringgit daripada mata wang lain bukanlah satu jumlah yang besar memandangkan aliran tukaran asing (FX) harian sekitar AS\$10 (RM46.8 bilion) hingga AS\$20 bilion (RM93.6 bilion) dalam pasaran domestik.

"Namun, jika KWSP dan GLC

serta GLIC lain memang membawa pulang jumlah keseluruhan pendapatan pelaburan luar negara kembali ke Malaysia, potensi isyarat pasaran adalah besar pada pendapat kami kerana ia mencerminkan keyakinan KWSP terhadap potensi pulangan pasaran modal domestik," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Sebelum pengumuman rasmi baru-baru ini, AmBank Economic Research mendapati bahawa kadar pertukaran dolar AS/ringgit adalah sangat anjal dan sensitif kepada perubahan dalam indeks dolar (DXY).

Ia berkata, sedikit perubahan dalam indeks DXY mengakibatkan turun naik kadar dolar AS/ringgit yang ketara.

Bagaimanapun, katanya, selepas pengumuman itu, kadar pertukaran menjadi lebih stabil dan kurang terdedah kepada perubahan.

"Ini menunjukkan bahawa pengumuman berkenaan telah memberi kesan positif kepada pasangan mata wang dolar AS/ringgit dan mengurangkan turun naiknya.

"Oleh itu, kami menjangkakan pihak berkuasa akan lebih peka dengan perubahan dalam dolar AS/ringgit pada hari-hari dan minggu-minggu akan datang," katanya.

Depositi mata wang asing

AmBank Economic Research juga mendapati deposit mata wang asing di Malaysia sebagai peraturan daripada jumlah deposit dalam sistem perbankan, berubah sedikit ke bawah.

Ia berkata, data menunjukkan deposit mata wang asing bertukar lebih rendah daripada 10.5 peratus pada Disember 2023, dengan data terkini setakat Januari 2024 menunjukkan ia berada pada paras 10.4 peratus (RM247.4 bilion).

Katanya, paras tertinggi tahun lalu ialah 10.6 peratus dicatatkan pada Februari 2023, sebelum ia merosot kepada 9.9 peratus pada Mac 2023 dan membawa sokongan kepada ringgit apabila dolar AS/ringgit merosot 4.487 pada Februari kepada 4.415 pada Mac.

Jelasnya, jangkaan mengenai prospek jangka panjang pengu-

rangan Rizab Persekutuan (Fed) AS yang dianggap sebagai kelebihannya kepada ringgit berbanding perbezaan kadar AS seharusnya meyakinkan pengekspatriasi bahawa penukaran kepada ringgit yang di bawah nilai adalah bermanfaat.

Selain itu, tambahnya, memandangkan penetapan harga masa depan bagi pengurangan kadar yang akan dilakukan oleh Fed menjadi lebih jelas, ia sepatutnya meningkatkan dorongan menaik untuk mata wang sedang pesat membangun, termasuk ringgit itu sendiri.

"Di tengah-tengah jangkaan sentimen ringgit yang lebih baik, penukaran oleh pengekspatriasi Malaysia diikuti jika aliran masuk GLC bertambah baik, meningkatkan lagi tahap jangka pendek ringgit.

"Model ringgit dalaman kami mencadangkan nilai saksama mata wang sepatutnya lebih hampir kepada 4.50/4.60, di mana model kami menggunakan pembolehubah seperti kadar faedah dalam pesisir, perbezaan kadar berbanding AS, paras dolar AS dan harga minyak mentah," katanya.

Pembaziran meningkat 20% di bulan Ramadan ^{UM 13/3}

Oleh SAFINA RAMLI

utusannews@medianulla.com.my

GEORGE TOWN: Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa orang ramai agar tidak membazir makanan memandangkan 90,000 tan makanan telah dibuang ke dalam tong sampah sepanjang Ramadan tahun lalu.

Presidennya, Mohideen Abdul Kader berkata, kajian menunjukkan pembaziran makanan ketika ini meningkat antara 15 hingga 20 peratus semasa Ramadan berbanding bulan-bulan lain.

"Pada 2023, sebanyak 90,000 tan makanan dibuang ke dalam tong sampah di seluruh negara sepanjang Ramadan. Bulan ini sepatutnya menjadi bulan beribadat bagi umat Islam, namun bagi sesetengah orang, ia menjadi bulan untuk menjamu selera dan membazir dalam perbelanjaan," katanya di sini.

Menurutnya, Islam menggalakkan umatnya mengelak daripada bersikap rakus, membazir dan boros.

"Berlawanan dengan ajaran ini, sesetengah orang makan dan minum dengan begitu banyak ketika berbuka puasa sehingga menjadi malas dan mengabaikan kewajipan untuk menunaikan solat.

"Kerakusan atau bersikap lahap juga boleh memberikan kesan sampingan kesihatan yang

serius seperti diabetes, penyakit koronari dan tekanan darah tinggi," ujamnya.

Tambahnya, salah satu tujuan berpuasa ialah untuk memahami erti kelaparan seperti yang dialami oleh orang miskin dan terpinggir agar umat Islam mempunyai sikap empati terhadap golongan ini.

"Kini lebih dua juta rakyat Palestin sedang menghadapi keburluran. Jadi, kita tidak sepatutnya membuang begitu banyak makanan pada bulan suci ini.

"Golongan kaya juga seharusnya berkongsi kekayaan dengan mereka yang miskin dan memerlukan bantuan dan bukannya bersikap rakus serta bermegah-megah dalam cara hidup.

"Jadi, gunakan kekayaan anda bagi membantu golongan miskin dan terpinggir untuk keluar daripada belenggu kemiskinan serta penindasan selain menyokong program-program amal jariah," katanya.

Dalam pada itu, kata Mohideen, umat Islam juga perlu mengelak daripada berbuka puasa di hotel sebaliknya di rumah atau masjid bersama ahli keluarga dan rakan-rakan.

"Jemputlah jiran yang bukan beragama Islam untuk berbuka puasa bersama. Dengan cara ini, kita dapat membina hubungan baik dan persefahaman dalam kalangan rakyat Malaysia," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh: 13 MAR 2024

Afdal bayar zakat fitrah di negeri cari rezeki

UM 13/2

PUTRAJAYA: Jika sebelum ini umat Islam sering berdebat mengenai bilangan rakaat solat sunat tarawih, kali ini berubah kepada isu lokasi afdal pembayaran zakat pula.

Polemik itu menjadi topik panas susulan tindakan mengejut lapan negeri selain Wilayah Persekutuan meliputi tiga entiti menaikkan nisab zakat fitrah sepanjang Ramadan.

Pengerusi Persatuan Ulama Malaysia Wilayah Persekutuan, Datuk

Mohamad Abdullah menjelaskan, lebih baik ia dilakukan di negeri individu itu bekerja.

"Saya berpendapat lebih afdal zakat ditunaikan di tempat kita mencari rezeki, bukan di mana kita tinggal jika negeri berbeza," katanya ketika dihubungi.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, hukum tersebut pernah dibahaskan ramai ulama termasuk bekas Mufti Wilayah Persekutuan, Datuk Dr. Zulkifli Mohamad al-

Bakri beberapa tahun lalu.

Berdasarkan pandangan tokoh terkenal itu, beliau memetik analogi daripada kisah zaman Rasulullah SAW sendiri dan nas al-Quran yang menjadi rujukan pakar fiqh muamalat.

Beliau memberikan contoh mereka yang bertugas di Pulau Pinang tetapi rumah di Kedah, maka adalah amat baik individu itu melunaskan zakat fitrah di negeri tempatnya bekerja.

UTUSAN MALAYSIA
Tarikh:1..3..MAR..2024...

Persiapan raya awal lebih mudah

JOHOR BAHRU: Masyarakat Islam termasuk dari negara jiran memilih untuk membeli awal kelengkapan Hari Raya Aidilfitri walaupun Ramadan baru sahaja bermula.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Angsana Johor Bahru Mall di sini mendapati pusat beli-belah itu dipenuhi pengunjung khususnya premis-premis yang menjual kuih-muih, baju Melayu, baju kurung dan songkok.

Warga Singapura, Miftahuddin Idrus, 39, berkata, dia memilih untuk membuat persediaan awal bagi memudahkan urusan keluarganya.

"Saya lebih suka buat persediaan awal kerana tidak mahu berse-sesak lebih-lebih lagi ketika sedang berpuasa. Cara ini juga lebih sesuai apatah lagi buat keluarga yang mempunyai anak kecil.

"Apabila buat pembelian awal, masih banyak pilihan dan saiz pakaian juga mudah untuk dicari," katanya yang berasal dari Bukit Batok, Singapura.

Bapa kepada dua cahaya mata itu juga dapat memberikan lebih tumpuan terhadap amal ibadah seperti berpuasa dan solat tarawih sepanjang Ramadan.

"Antara yang telah siap dibeli adalah pakaian raya buat sekeluarga serta pelbagai jenis kuih tradi-



AMEEN Norisham (kanan) dan keluarganya memilih pakaian sebagai persediaan menyambut Hari Raya Aidilfitri di Johor Bahru, semalam.

sional," katanya.

Perkara sama disuarakan seorang lagi rakyat republik itu, Ameen Norisham, 40, yang memberitahu perkara itu merupakan rutin tahunan bagi dirinya.

"Saya memang suka cari barang raya lebih awal, sejak bujang dahulu memang seperti itu. Jadi, apabila sudah berumah tangga dan mempunyai anak-anak, saya ter-

uskan rutin sama. Bagi saya, cara ini lebih mudah kerana kita dapat berbelanja secara santai dan tidak perlu berse-sesak sekiranya membuat pembelian raya ketika akhir Ramadan.

"Walaupun kebanyakan barangan telah siap dibeli, saya dan keluarga pasti akan datang lagi ke sini untuk mencari keperluan lain," katanya.

UTUSAN MALAYSIA

Tarikh:1..3...MAR..2024.



**MOHD. AYOP
ABD. RAZID**

UMAT Islam kembali memasuki 'madrasah Ramadan' yang mempunyai kurikulum dan kokurikulumnya sendiri. Kurikulum 'madrasah Ramadan' ialah ibadah puasa, manakala kokurikulumnya pula pelbagai ibadah sunat seperti solat tarawih, solat witir, baca quran, iktikaf di masjid terutama pada 10 malam terakhir Ramadan, sedekah dan pelbagai amalan sunat yang lain.

Ibadah puasa adalah perintah Allah yang wajib dilakukan kecuali golongan tertentu yang dihapuskan tidak berpuasa. Perintah berpuasa terkandung dalam surah Al-Baqarah, ayat 183 yang bermaksud: "Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang sebelum kamu agar kamu bertakwa".

Ibadah puasa ini menjadi salah satu daripada lima binaan Islam berdasarkan hadis nabi yang bermaksud: "Dibina Islam atas lima perkara: Persaksian bahawa tiada tuhan yang disembah melainkan Allah dan nabi Muhammad itu Rasul Allah, mendirikan solat, menunaikan zakat, haji dan puasa pada bulan Ramadan" (riwayat Bukhari dan Muslim).

Madrasah Ramadan mesti diikuti dengan penuh disiplin dan mematuhi peraturan-peraturan yang telah digariskan supaya kita menjadi insan yang baik dengan memiliki sifat-sifat mahmudah. Ia mendidik umat Islam sama ada dari sudut jasmani, rohani, emosi dan intelek melalui kurikulum dan kokurikulum yang ditetapkan itu.

Benarlah apa yang disebut ulama tersohor Nusantara, Profesor Dr. Hamka bahawa ibadah puasa dapat menyatukan akal, perasaan, jiwa dan sanubari. Menurutnyanya, ibadah puasa berupaya mengetuk hati, iman dan akidah. Ketika berpuasa kita sebenarnya sedang melalui al-mujahadah atau bersungguh-sungguh melawan hawa nafsu.

Al-mujahadah dapat membantu kita membentuk jiwa yang bertakwa dan sentiasa takut (khauf) akan 'balasan akhirat' dan 'pengadilan Ilahi' di Padang Mahsyar nanti. Ketika melalui proses mujahadah inilah berlakunya proses pembersihan diri (takhali)



IBADAH puasa mampu meluruskan kembali tujuan hidup kita di dunia ini. - UTUSAN

Ramadan bulan jernihkan hati, elak ibadah puasa sia-sia

di mana sifat-sifat keji yang ada dalam hati dibuang dan diisikan pula dengan sifat-sifat mahmudah (sifat-sifat mulia).

Untuk mencapainya maka ibadah puasa itu mestilah dilakukan dengan penuh keimanan dan keikhlasan supaya objektif puasa untuk menjadi orang yang bertakwa dapat dicapai dengan cemerlang. Untuk mencapainya maka perlulah kita laksanakan ibadah puasa dengan sempurna mengikut lunas-lunas al-Quran dan as-Sunnah Rasulullah.

Memperteguh budi insan. Kehidupan kita hari dilingkungan pelbagai persaingan hidup sehingga ramai manusia yang sanggup mengagadai iman dan mengetepikan nilai akhlak semata-mata mahu berbangga-bangga dengan kehidupan dunia. Sifat keduniaan ini mendorong ramai umat Islam sendiri menjadi individu yang egoistik dan individualistik sehingga penyakit rohani seperti iri hati, hasad, dendam, suka memfitnah,



Dalam bulan Ramadan adalah masanya untuk kita jauhi buruk sangka, kebencian, permusuhan, hasad, iri hati, mencaci dan mengata nista."

mengadu domba, menyebarkan berita palsu dan permusuhan semakin berleluasa dalam kalangan umat Islam.

Justeru, ibadah puasa yang dilaksanakan dengan penuh penghayatan mampu meluruskan kembali tujuan hidup kita di dunia ini. Ia dapat membina dan menyuburkan kembali nilai ketakwaan, perangai dan akhlak kita serta membangun nilai-nilai kemanusiaan yang amat diperlukan dalam kehidupan yang bertamadun. Akal budi insan akan

menjadi jernih dan murni dengan ibadah puasa yang sempurna. Budi merujuk kepada perlakuan tata hidup, kesopanan dan kesusilaan, tata tertib, kebijaksanaan dan perbuatan kebajikan yang menggambarkan kualiti pemikiran dan tingkah laku seseorang.

Justeru, madrasah Ramadan akan membawa kita kembali hidup bermasyarakat secara harmoni, tenang dan tenteram. Hakikatnya, ibadah puasa dapat mendidik kita menjadi insan yang tidak mementingkan diri sendiri.

Ketika berpuasa, semua kehendak nafsu akan dirasionalkan oleh akal sehingga lapar dan dahaga yang dirasakan itu mampu menghapus 'rasa keakuan' dan keangkuhan diri. Jiwa dan akal budi akan kembali jernih hingga menumbuhkan rasa kasih sayang dan belas ihsan terhadap orang yang kurang bernasib baik.

Orang yang berada (kaya) akan membantu orang yang miskin dengan penuh keikhlasan dan ketakwaan.

Kesannya akan wujudlah hubungan harmoni antara golongan kaya dan golongan miskin. Ia sekali gus menolok fahaman Marxisme yang mengatakan golongan kaya dan miskin akan selalu bertentangan (bermusuhan) antara satu sama lain kerana yang kaya selalunya menindas si miskin.

Islam mendidik melalui ibadah puasa yang dilakukan dengan penuh keimanan dan ketakwaan akan menimbulkan sifat kemurahan dan kedermawanan orang yang kaya terhadap orang miskin.

Pada bulan inilah amalan sedekah, infak dan zakat fitrah diamalkan oleh masyarakat Islam, terutamanya dalam kalangan mereka yang berada. Rasulullah adalah orang yang paling dermawan dan puncak kedermawanan baginda adalah di bulan Ramadan.

Sifat kedermawanan itu pula dapat memupuk persaudaraan dan silaturahmi sesama umat Islam.

Hubungan dan perpaduan sesama umat Islam yang telah terjejas dipereratkan kembali melalui amalan mulia ini.

Inilah kesan berantai dari amalan-amalan mulia ketika kita berada dalam madrasah Ramadan dan masanya untuk mencapai hakikat persaudaraan Islam maka hendaklah kita jauhi buruk sangka, kebencian, permusuhan, hasad, iri hati, mencaci dan mengata nista.

Rasulullah pernah ditanya, "Apakah yang menyebabkan puasa itu menjadi sia-sia?" Lalu baginda menjawab, "bercakap dusta dan mengumpat". Maknanya, bukan zahir puasa itu sahaja yang perlu dijaga tetapi 'batin' puasa juga mesti dijaga dengan baik supaya ibadah puasa kita tidak sia-sia.

Ramadan adalah 'madrasah rohaniyah' yang mampu membawa manusia mencapai 'ishlah al-basyar' atau transformasi kemanusiaan zahir dan batin, seterusnya membawa hati orang beriman itu kepada muraqabah atau mendekatkan diri kepada Allah.

Jangan kita letakkan diri kita dalam kerugian di bulan ini seperti mana maksud hadis nabi: "Celakalah orang yang masuk ke dalam bulan Ramadan membawa dosa, dan selepas Ramadan keluar bersama dosa itu juga". Rebutlah keistimewaan dan kebaikan Ramadan dengan melakukan pelbagai amalan soleh yang dianjurkan kita memperbanyakannya di bulan yang penuh keberkatan ini.

MOHD. Ayop Abd Razid ialah penganalisis sosiopolitik bebas.



**NOOR
MOHAMAD
SHAKIL HAMEED**

KEPUTUSAN kerajaan yang meminta Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengeluarkan data mengenai kemalangan jalan raya pada setiap hari secara *real time* berbanding setahun sekali seperti diamalkan sebelum ini dilihat antara langkah dan strategi baik yang boleh meningkatkan tahap kesedaran pengguna jalan raya dan anggota masyarakat. Menurut Menteri Pengangkutan, Anthony Loke Siew Fook, perkara itu antara yang diputuskan dalam Mesyuarat Kabinet dan mahu rakyat sedar bahawa kematian melibatkan kemalangan jalan raya sebenarnya lebih tinggi daripada wabak Covid-19.

Usaha meningkatkan tahap kesedaran seperti ini adalah satu langkah pencegahan yang baik kerana pendedahan data secara *real time* pada setiap hari boleh mendatangkan ketakutan dalam kalangan rakyat sekali gus mendorong setiap pengguna jalan lebih berhati-hati ketika berada di atas jalan raya.

Statistik data kematian akibat kemalangan pada 2023 menunjukkan sebanyak 18 kematian direkod setiap hari, bersamaan purata satu kematian setiap 80 minit.

Daripada jumlah itu, sebanyak 12 kematian sehari melibatkan penunggang motosikal, yang bermakna setiap dua jam, seorang penunggang motosikal maut. Secara keseluruhannya jumlah kematian disebabkan kemalangan jalan raya pada 2023 merekodkan 6,443 orang sekali gus menjadi angka tertinggi dalam tempoh lima tahun.

Data ini membuktikan kemalangan jalan raya sudah menjadi penyumbang utama kadar kematian di negara ini. Adakah kita mahu pejam mata dan terus biarkan perkara ini berlarutan, yakni lebih banyak lagi nyawa terkorban di atas jalan raya? Tuntasnya, sampai bila kita mahu biarkan jalan raya di negara ini terus bermandi darah?

Anggota masyarakat dan setiap pengguna jalan raya perlu ambil iktibar dengan statistik yang menggerunkan seperti ini lantas berusaha sebaik mungkin untuk mencegah kemalangan jalan raya terutamanya kemalangan maut daripada terus berlaku.

Kita risau jika lambat bertindak, kadar kemalangan maut boleh terus meningkat ketika musim perayaan

Tiada guna miliki kenderaan jika gagal patuhi jalan raya



JUMLAH kematian disebabkan kemalangan jalan raya pada 2023 merekodkan 6,443 orang sekali gus menjadi angka tertinggi dalam tempoh lima tahun.

seperti Hari Raya Aidilfitri yang akan disambut pada bulan April kelak. Kadar kemalangan ketika musim perayaan utama seperti ini sememangnya tinggi walaupun pelbagai kempen telah dilaksanakan oleh pihak berkuasa pada setiap musim perayaan.

Walaupun pelbagai usaha dan inisiatif telah dilaksanakan secara berterusan oleh pihak berkuasa namun jelas sekali sikap pemandu kita terus menjadi antara punca utama yang menyumbang kepada peningkatan kadar kemalangan maut di negara kita. Kajian sebuah agensi kerajaan menunjukkan 80.6 peratus kemalangan jalan raya berlaku akibat kesalahan pemandu itu sendiri.

Antara sikap pemandu yang dikesali ialah mementingkan diri, tidak mementingkan hak dan keselamatan pengguna jalan raya yang lain, tidak mematuhi undang-undang serta ego dilihat sering kali menyumbang kepada peningkatan statistik kemalangan jalan raya di negara kita.

Kita perlu akui bahawa sikap adalah aspek yang amat sukar untuk diubah dan dibentuk dalam sekelip mata kerana sikap pada zahirnya sebatik dalam diri individu masing-masing.

Sikap baran misalnya wujud sejak kita kecil lagi

“Sikap pentingkan diri, tidak mematuhi undang-undang serta ego sering kali menyumbang kepada kemalangan jalan raya.”

dan ia tidak boleh diubah dalam sekelip mata melalui kempen semata-mata. Begitu juga sikap para pemandu yang lain seperti tidak bertanggungjawab, mementingkan diri sendiri, ingin menunjuk-nunjuk, memandu dengan laju melebihi had laju yang telah ditetapkan, berlagak seperti jaguh di atas jalan raya serta sikap tidak mahu mengalah dan bertolak ansur.

Buatlah kajian sebanyak mana sekalipun inilah jawapannya. Inilah hasil ataupun sikap yang dimiliki oleh majoriti pemandu kita yang terus menjadi duri dalam daging di atas jalan raya.

Sudah tiba masanya setiap pengguna jalan raya mengubah sikap masing-masing dengan meningkatkan tahap kesedaran dan keselamatan ketika memandu. Ubahlah sikap supaya kita boleh

menjadi pemandu yang berhemah, bertolak ansur dan menghormati orang lain ketika berada di atas jalan raya.

Ingatlah kata-kata keramat yang sering diungkapkan iaitu “seminit tidak membawa erti jika ia berakhir dengan tragedi”. Hanya kita sendiri yang mampu mengubah sikap dan ego kita ketika memandu. Kenapa begitu sukar untuk ambil iktibar dengan segala insiden dan kemalangan yang sering berlaku selama ini.

Amalkanlah tiga tips mudah iaitu kawal kelajuan ketika memandu, bersabar di atas jalan raya termasuk dengan gelagat pemandu lain serta pastikan diri kita sentiasa cergas ketika memandu terutamanya membabitkan perjalanan yang jauh kerana boleh mengantuk dan membawa kepada pelbagai musibah.

Dalam konteks ini, penunggang dan pembonceng motosikal misalnya yang sering menjadi mangsa utama nahas kemalangan maut wajar bertindak mengambil langkah yang lebih berhati-hati dan selamat supaya tidak terus menjadi mangsa keadaan.

Statistik 2023 juga menunjukkan hampir dua pertiga kemalangan membabitkan motosikal iaitu 4,480 kematian disebabkan kemalangan motosikal. Utamakan keselamatan diri dan jangan terlalu mengharap

ihisan daripada pengguna jalan raya yang lain kerana masing-masing ingin cepat sampai ke destinasi dan tidak mahu yang sanggup bertolak ansur ataupun memberi laluan dengan mudah.

Ingat, tiada gunanya kita memiliki kenderaan yang besar dan mahal jika gagal mematuhi peraturan jalan raya dan menganggap diri sebagai raja di atas jalan raya. Tiada gunanya juga segala kempen yang dianjurkan oleh pelbagai pihak yang prihatin jika kita masih mementingkan diri sendiri apabila berada di atas jalan raya.

Cukuplah jumlah darah yang membasahi jalan raya selama ini. Hargailah nyawa sendiri dan juga pengguna jalan raya yang lain. Usaha menyalahkan takdir semat mata tatkalah jelas kita yang cuai dan leka.

Marilah kita bertekad untuk mengubah sikap dan tingkah laku diri masing-masing apabila berada di atas jalan raya dengan menjadi seorang pengguna jalan raya yang berhemah, berhati-hati mengutamakan keselamatan diri dan juga pengguna jalan raya yang lain seterusnya lebih bertanggungjawab dan saling menghormati.

NOOR Mohamad Shakil Hameed ialah Timbalan Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar (PKPP) Universiti Putra Malaysia (UPM).



IFTAR TREAT ... A stall owner preparing grilled fare for breaking of fast at the Ramadan Bazaar at Kampung Baru in Kuala Lumpur on the first day of the fasting month yesterday. — **AMIRUL SYAFIQ/THESUN**

Don't waste food during Ramadan, public urged

Some 19,000 tonnes of food waste collected nationwide every day during Holy Month, 15% more compared with 16,000 tonnes during other times.

SUN 13/3


Report
on page 4

THE SUN
Tarikh: 13 MAR 2024

Food wastage expected to increase during Ramadan

SUN 13/3

■ BY NUQMAN ADAM
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: Every day, 38,000 tonnes of waste is collected, of which 44% is food-related, said Solid Waste Management and Public Cleansing Corporation Federal Territories director Ummi Kalthum Shuib.

"Some 19,228 tonnes of food waste are collected nationwide every day, especially during *Ramadan*. This is a 15% increase, compared with 16,720 tonnes collected before and after the holy month. Our data also shows during *Ramadan*, food wastage rise by 15% to 20%.

"This pattern has persisted and remain unchanged over the years. It continues to present a huge challenge," she said, while urging consumers to adopt the 4R (Refuse, Reduce, Reuse and Recycle) principle of waste management.

She said purchases of food and groceries during *Ramadan* should be planned in advance to prevent overconsumption, adding that

➤ Consumers urged to adopt 'Refuse, Reduce, Reuse and Recycle' practice and plan purchases to avoid overconsumption

buying items that last longer such as fruits and vegetables should be prioritised.

She also said those observing *Ramadan* should prepare adequate food for *Iftar* based on the number of people, without going overboard and leftovers should be consumed during *sahur* to minimise wastage.

Ummi Kalthum suggested using reusable containers or bags instead of single-use packaging provided at *Ramadan* bazaars to help reduce the amount of plastic waste.

She emphasised the importance of moderation during the holy month and urged those observing *Ramadan* to control their expenditure on food.

She said mismanagement of food

waste would also perpetuate reliance on dump sites, which are usually located away from urban centres, thus creating the need to transport waste over long distances.

She also said the transport process consumes fuel and negatively impacts carbon footprint, contributing to environmental degradation, adding that dumpsites also cause pollution through leachate, which is contaminated liquid from landfills.

"Leachate has the potential to flow and contaminate rivers, causing harm to aquatic life and polluting other food sources. Therefore, we urge the public to join our efforts to minimise food waste."

International Islamic University

Malaysia
Performance
Monitoring
Committee deputy chairperson Dr Zakuan Azizi said the organic matter in leachate fuels the growth of microorganisms, leading to the increase of biological oxygen demand as it consumes oxygen during decomposition.

"This depletes oxygen levels in the water, harming fishes and other aquatic life. The inorganic pollutants in leachate degrades water quality, potentially causing long-lasting damage to the ecosystem.

Zakuan said in Malaysia, about 80% of food waste ends up as solid waste in landfills, which produce 50% to 60% of methane gas and 30% to 40% of carbon dioxide.

"Although methane gas produced from the biodegradation processes of organic materials can now be converted into renewable energy, only a few landfills in Malaysia are capable of doing so, such as the Bukit Tegar Sanitary Landfill and Air Hitam Sanitary Landfill."

THE SUN
13 MAR 2024
Tarikh: